

# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH 2021



# KANDUNGAN

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| Aluan Ketua Pustakawan .....                  | 1  |
| PSNZ Sekilas Pandang .....                    | 2  |
| Laporan                                       |    |
| Kepuasan Pelanggan .....                      | 3  |
| Warga PSNZ .....                              | 3  |
| Unjuran Koleksi .....                         | 4  |
| Analisa PI PSNZ .....                         | 5  |
| Capaian Perkhidmatan .....                    | 6  |
| Capaian Media Sosial .....                    | 6  |
| Pertanyaan dan Maklumbalas .....              | 7  |
| Aktiviti Publisiti dan Perhubungan Awam ..... | 7  |
| Perkhidmatan Semakan Turnitin .....           | 8  |
| Pinjaman Antara Perpustakaan .....            | 8  |
| Kelas Pendidikan Pelanggan .....              | 9  |
| Repositori Digital Institusi (UMT-IR) .....   | 9  |
| Aktiviti Bersama Komuniti .....               | 10 |
| Penghargaan .....                             | 11 |



# ALUAN KETUA PUSTAKAWAN

*Assalamualaikum WB7 dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT serta syabas dan tahniah kepada seluruh ahli Jawatankuasa Laporan Tahunan PSNZ 2021 yang bekerja keras sehingga laporan ini berjaya diterbitkan. Buku Laporan Tahunan ini merupakan dokumen yang amat berharga khususnya untuk rujukan warga UMT dalam menilai sejauh mana keberhasilan PSNZ merealisasikan visi dan misi Universiti Malaysia Terengganu.

Tahun 2021 telah dilalui dengan sebaiknya oleh warga kerja PSNZ dalam mendepani pandemik Covid-19 serta mengharungi cabaran memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna. Alhamdulillah, berkat komitmen warga PSNZ, perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang dapat ditawarkan kepada pengguna perpustakaan dengan menggarap pendekatan inovasi.

Sehubungan dengan itu, laporan PSNZ 2021 ini merupakan salah satu dokumentasi pencapaian jabatan dan bukti terhadap usaha komited warga PSNZ cemerlang dalam melalui tahun 2021 yang mencabar. Saya berharap laporan tahunan ini akan menjadi dokumen penting dalam rujukan warga jabatan bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan di fasa endemic yang kian hampir kini.

Sekian, terima kasih.



**Haji Abu Hassan Ghazali**




**Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Sultanah  
Nur Zahirah  
Universiti Malaysia  
Terengganu**



# PSNZ SEKILAS PANDANG

Untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada pelanggan dengan menawarkan perkhidmatan maklumat, sumber perpustakaan yang disokong melalui penggunaan teknologi terkini untuk menyokong pembelajaran, pengajaran, perundingan dan penyelidikan dalam bidang Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Asli.



- Untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan, terkini dan mesra pengguna kepada masyarakat kampus dan masyarakat amnya.
- Untuk mengoptimumkan penggunaan pelbagai sumber maklumat dan kemudahan.
- Untuk meningkatkan kepakaran kakitangan (pekerja berpengetahuan).
- Untuk meningkatkan pengagihan keberkesanan kos.
- Untuk memperkukuhkan program pendidikan pengguna ke arah pembelajaran sepanjang hayat.
- Membangun, mendokumentasi, mengekalkan dan mengukuhkan sumber pengajaran dan penyelidikan dalam pelbagai bidang sama ada dalam media cetak, multimedia dan elektronik.
- Memartabatkan pengetahuan dan harta intelek universiti - masyarakat dalam menjadikan perpustakaan sebagai sumber dan warisan pengetahuan.



PSNZ beriltizam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi untuk memenuhi kepuasan pelanggan melalui penambahbaikan berterusan selaras dengan **Pelan Strategik UMT 2018-2022**.



## TERAS 2

Kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran.

## OS4

Meningkatkan kualiti graduan

## INISIATIF (NO 5)

Memantapkan sumber rujukan berkualiti secara fizikal dan maya serta menyediakan ruang pembelajaran yang interaktif dan kondusif bagi menyokong pembelajaran individu dan kolaboratif.

## Kaedah Pemantauan (PI PSNZ)


**5a:** Peratus senarai rujukan utama setiap program pengajian dipenuhi di perpustakaan

Ketersediaan bahan rujukan (*course reading list*) mencapai 90% bahan rujukan utama Pengajaran & Pembelajaran


90% senarai rujukan utama setiap program pengajian dipenuhi di perpustakaan

# Kepuasan Pelanggan

Psnz sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pengguna. Bagi memastikan pencapaian ini dapat ditambahbaik pada setiap tahun, PSNZ telah mengukur pencapaian terhadap perkhidmatan yang diberikan. Berikut adalah rumusan pencapaian kepuasan pelanggan bagi tempoh yang dinyatakan:




## Warga PSNZ




# Unjuran Koleksi PSNZ

Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah mencapai **3,115,213** naskhah (3,090,896 judul) dengan peratus pertambahan sebanyak **6.2%** berbanding jumlah koleksi pada tahun 2020 sebanyak 2,933,222 naskhah (2,909,561 judul). Koleksi ini merangkumi buku, jurnal, bahan-bahan audio-visual, dan bahan-bahan atas talian melalui langganan pangkalan data sebagaimana berikut:


### Koleksi Sumber Bercetak



### Koleksi Sumber Tidak Bercetak



### Koleksi Sumber Dalam Talian



# Analisa PI PSNZ

5a:

Peratus senarai rujukan utama setiap program pengajian dipenuhi di perpustakaan

Ketersediaan bahan rujukan (*course reading list*) mencapai 90% bahan rujukan utama Pengajaran & Pembelajaran

90% senarai rujukan utama setiap program pengajian dipenuhi di perpustakaan

| Bil    | Fakulti | Program / Kod Kursus            | Rumusan Ketersediaan Bahan |       |              |                  |        | % Dipenuhi |
|--------|---------|---------------------------------|----------------------------|-------|--------------|------------------|--------|------------|
|        |         |                                 | Permohonan                 | Sedia | Dalam Proses | Tidak Diperolehi | Jumlah |            |
| 1      | FPM     | OM                              | 154                        | 85    | 0            | 69               | 85     | 100        |
| 2      | FSSM    | Sains Kimia                     | 54                         | 37    | 0            | 17               | 37     | 100        |
| 3      | FTKKI   | Kejuruteraan Kelautan           | 40                         | 39    | 0            | 1                | 39     | 100        |
|        |         | Teknologi Maritim               | 7                          | 6     | 0            | 1                | 6      | 100        |
|        |         | Sains Matematik                 | 134                        | 121   | 0            | 13               | 121    | 100        |
|        |         | Teknologi Alam Sekitar          | 60                         | 47    | 0            | 13               | 47     | 100        |
|        |         | Elektronik & Instrumentasi      | 40                         | 32    | 0            | 8                | 32     | 100        |
| 4      | PASTEM  | Biologi                         | 5                          | 5     | 0            | 0                | 5      | 100        |
|        |         | Fizik                           | 5                          | 5     | 0            | 0                | 5      | 100        |
|        |         | Kimia                           | 6                          | 6     | 0            | 0                | 6      | 100        |
|        |         | Matematik                       | 5                          | 5     | 0            | 0                | 5      | 100        |
|        |         | Kejuruteraan                    | 5                          | 5     | 0            | 0                | 5      | 100        |
|        |         | Bahasa Inggeris                 | 2                          | 2     | 0            | 0                | 2      | 100        |
| 5      | FPEPS   | Pemasaran                       | 99                         | 74    | 0            | 25               | 74     | 100        |
|        |         | Perakaunan                      | 172                        | 109   | 0            | 63               | 109    | 100        |
|        |         | Penawaran                       | 27                         | 23    | 0            | 4                | 23     | 100        |
| 6      | FPSM    | Sarjana Muda & Diploma          | 28                         | 16    | 0            | 12               | 16     | 100        |
|        |         | Sarjana Muda & Diploma          | 6                          | 3     | 0            | 3                | 3      | 100        |
|        |         | Pengurusan Makanan Halal        | 2                          | 2     | 0            | 0                | 2      | 100        |
|        |         | Individu (Aziz Yusuf)           | 77                         | 55    | 0            | 22               | 55     | 100        |
| 7      | PPAL    | Penyiaran dalam Bahasa Inggeris | 62                         | 45    | 0            | 17               | 45     | 100        |
| JUMLAH |         |                                 | 990                        | 722   | 0            | 268              | 722    | 100        |

Pada tahun 2021, semua fakulti telah menghantar 990 permohonan pembelian bahan rujukan kursus dan PSNZ telah menyediakan sebanyak 722 tajuk rujukan kursus sebagaimana permohonan yang diterima. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi peratus bahan rujukan utama adalah mencapai 73%. Manakala pencapaian meningkat kepada kepada 100% setelah mengambil kira jumlah bahan2 yang tidak dapat dibekalkan seperti "Out of Print", "Market Restricted" dan "Print on Demand".

5

# Capaian Perkhidmatan PSNZ

Berikut adalah jumlah capaian bagi perkhidmatan yang ditawarkan di PSNZ sepanjang tahun 2021




## Capaian Media Sosial


Bagi memastikan pengguna sentiasa mendapat perkhidmatan maklumat terkini, PSNZ turut mempromosikan artikel ilmiah, buku, maklumbalas dan sebagainya dengan memanfaatkan platform media sosial.

Sepanjang tahun 2021, PSNZ telah melaksanakan aktiviti perkongsian kandungan maklumat bersama pengguna dengan menerbitkan sebanyak 1599 kandungan seperti poster infografik, makluman aktiviti program yang bakal/telah dijalankan, abstrak buku dan jurnal serta lain-lain makluman. Kandungan ini telah dicapai oleh **130,199** pengguna melalui penggunaan media sosial.

Hebahan Maklumat




Capaian Pengguna





# Pertanyaan & Maklumbalas

PSNZ telah menerima **334** pertanyaan dan maklumbalas melalui media-media sosial. Antara pertanyaan yang direkodkan adalah berkaitan waktu pengoperasian perpustakaan, akses kepada pangkalan data, semakan trunitin dan keahlian perpustakaan.




## Aktiviti Publisiti dan Perhubungan Awam

|                            |      |                                                           |
|----------------------------|------|-----------------------------------------------------------|
| Penyediaan Webex           | 227  | permohonan diuruskan                                      |
| Permohonan Hebahan         | 158  | permohonan hebahan dilaksanakan                           |
| Hebahan Media Sosial       | 1599 | maklumat dimuat naik                                      |
| Maklumbalas                | 317  | maklumbalas telah diberikan melalui media kepada pengguna |
| Koleksi Terpilih (Buku)    | 120  | abstrak buku dihebahkan                                   |
| Koleksi Terpilih (Artikel) | 86   | abstrak jurnal dihebahkan                                 |
| Rekabentuk                 | 103  | permohonan diuruskan                                      |
| Program FGV*               | 2    | aktiviti diuruskan                                        |
| Input Artikel ASFA*        | 58   | rekod artikel dihantar                                    |
| Engagement                 | 1    | kali program bersama MPP telah diadakan                   |
| Bersama komuniti           | 4    | program telah dilaksanakan                                |

Nota: \*FGV: Focus Group Visit  
\*ASFA: Aquatic Sciences and Fisheries Abstracts


## Perkhidmatan Semakan *Turnitin*

Untuk tahun 2021, PSNZ telah menerima dan memproses sebanyak **513** permohonan semakan *Turnitin* daripada pensyarah dan pelajar UMT.



## Pinjaman Antara Perpustakaan

Secara keseluruhan, sebanyak 647 permohonan telah diterima bagi perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan yang merangkumi pinjaman 109 buku dan 538 artikel jurnal.




## Kelas Pendidikan Pelanggan

Bagi tahun 2021, sebanyak 84 Kelas Pendidikan Pelanggan telah dianjurkan dengan penyertaan seramai 2,382 peserta. Fakulti yang telah direkodkan kerap menggunakan perkhidmatan KPP ini ialah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)

| BULAN  | KEKERAPAN | JUMLAH PELANGGAN |
|--------|-----------|------------------|
| JAN    | 9         | 180              |
| FEB    | 1         | 1                |
| MAC    | 7         | 430              |
| MEI    | 6         | 271              |
| OGOS   | 6         | 73               |
| OKT    | 6         | 30               |
| NOV    | 6         | 101              |
| DIS    | 9         | 84               |
| JUMLAH | 84        | 2382             |

## Repositori Digital Institusi (UMT-IR)

PSNZ telah melaksanakan kerja-kerja pengimbasan bahan bagi menyokong pengukuhan Repositori Digital Institusi. Sebanyak **19,489** naskhah bahan telah dimuatnaik ke UMT-IR sepanjang tahun 2021.



# Aktiviti Bersama Komuniti

Program Tanggungjawab Sosial Universiti atau USR tetap dijalankan bersama sekolah-sekolah sekitar Kuala Nerus walaupun negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Bagi tahun 2021, sebanyak 4 program USR telah dijalankan merangkumi melibatkan beberapa buah sekolah. Secara keseluruhan, UMT melalui PSNZ telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pemindahan ilmu dan tanggungjawab sosial khusus dalam memperkasakan perkhidmatan pusat sumber sekolah yang melibatkan 5 buah sekolah seperti berikut:

|                                                                                    |                                  |                                            |                                                                          |                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|--------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
|    | Projek Wakaf Buku SMK Batu Rakit | Program Sumbangan Buku SK Kompleks Tembesu | Bengkel Pendigitalan Bahan PSS                                           | Pameran PSS "UMT Sebagai Pusat Komuniti Setempat" |
|    | 14 Mac 2021                      | 16 Mac 2021                                | 14 Julai 2021                                                            | 7-15 September 2021                               |
|    | 850 pelajar dan guru             | 623 pelajar dan guru                       | 92 pelajar dan guru                                                      | 503 murid dan 41 guru                             |
|    | Tanggungjawab Sosial             | Tanggungjawab Sosial                       | Pemindahan Ilmu                                                          | Tanggungjawab Sosial                              |
|  | SMK Batu Rakit dan PSNZ UMT      | SK Kompleks Tembesu dan PSNZ UMT           | SMKA Dato' Haji Abbas, SMK Padang Kemunting, SMK Batu Rakit dan PSNZ UMT | SK Batu Rakit dan PSNZ UMT                        |

Secara keseluruhan, PSNZ telah melaksanakan aktiviti-aktiviti pemindahan ilmu, khusus dalam memperkasakan perkhidmatan pusat sumber sekolah yang melibatkan 5 buah sekolah. Pihak PSNZ turut menerima maklumbalas yang positif dari sekolah-sekolah yang terlibat tentang penganjuran program kerjasama ini. PSNZ bercadang akan menganjurkan lagi di masa hadapan program seumpama ini di sekolah-sekolah yang terpilih dengan menekankan Pusat Sumber Sekolah sebagai agen penggerak aktiviti ini.





## PENGHARGAAN

# Sekalung Tahniah



### Anugerah Staf Terbaik Bulanan Tahun 2021 PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH, UMT



SUKUAN PERTAMA (JANUARI - MAC)  
ENCIK HARMAN NAJIB BIN JA'FAR@ABU BAKAR  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)  
&  
PUAN MAZLINA BINTI MAZLAN  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)



SUKUAN KEDUA (APRIL - JUN)  
ENCIK RISMAN BIN YUSYA SUTAN KAYO  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)  
&  
ENCIK MUHAMMAD UZAINI BIN ABDULLAH HAZAM  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)



SUKUAN KETIGA (JULAI - SEPTEMBER)  
ENCIK MUSTAFA BIN RANI  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)  
&  
ENCIK YUSOF BIN MUSA  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)



SUKUAN KEEMPAT (OKTOBER - DISEMBER)  
ENCIK MOHD FAZLI BIN ADUL LATIF  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S19)  
&  
PUAN ZAFIRAH BINTI MUSTAFA  
PEMBANTU PUSTAKAWAN (S22)



LAPORAN PSNZ 2021  
TELAH DIPERAKUKAN OLEH  
**JAWATANKUASA PENERBITAN**  
**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH**  
PADA  
**24 MEI 2022**



Diterbitkan oleh:  
Seksyen Komunikasi Strategik  
Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik  
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah



[psnz.umt.edu.my](http://psnz.umt.edu.my)



Psnzlib



officialpsnz



OfficialPSNZ